# Kaum Muslimin Di Brazil

Dalam keluaran kali ini sidang pembaca akan kami sajikan rencana berkenaan saudara-saudara kita yang berada di negeri Brazil di Amerika Selatan yang telah kami petik dari majalah "*al-Shubbān al- Muslimīn*" bilangan 70 bulan Disember 1962 yang lalu.

Dalam lawatannya ke Mesir baharu-baharu ini, Tuan Mohammad Amin Mazloom (Timbalan Yang Di-Pertua Pertubuhan Islam di Brazil) dan al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur Kamil (Pengarah Tetap Jabatan Pengelolaan Hal Ehwal Kaum Muslimin yang berhijrah di Brazil) telah menceritakan keadaan orang-orang Islam di sana.

Di antaranya – kata Tuan Mohammad Amin Mazloom, kaum muslimin di Brazil itu asalnya dari kumpulan penduduk-penduduk negeri Arab seperti Syria, Lubnan, Palestin dan lain-lainnya yang datang berhijrah ke sana sejak 80 tahun yang lalu.

Bilangan penduduk kaum muslimin di Brazil dewasa ini mencapai angka 50,000 orang di merata-rata negeri tersebut. Tetapi pusat tempat mereka berkumpul walau pun ada berbagai-bagai tempat bolehlah dikatakan bandar São Paulo menjadi ibu kota orang-orang Islam di Brazil yang tak kurang penduduknya berjumlah 10,000 kaum muslimin.

Sebuah masjid telah didirikan di sana yang merupakan sebuah bingkisan dari Timur yang indah. Perlu dinyatakan bahawa dengan sebab adanya Pertubuhan Muktamar Islam-lah pembinaan masjid tersebut telah selesai dengan bantuan dan kerjasama dermawan-dermawan kaum muslimin dan pemuka-pemuka kaum Arab di sana.

Masjid tersebut telah dibina sejak 20 tahun yang lalu hanya merupakan "nama masjid" sahaja. Kemudian pada tahun 1956 Pertubuhan Muktamar Islam (di Mesir) telah menghantar al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur Kamil untuk menjadi pengarah tetap Jabatan Pengelolaan Hal Ehwal Kaum Muslimin yang berhijrah di Brazil.

Kami atas nama kaum muslimin di negeri Brazil – kata Tuan Mohammad Amin Mazloom selanjutnya, menyampaikan salam kehormatan kami menerusi "Majalah *al-Shubbān al-Muslimīn*" kepada Pertubuhan Muktamar Islam yang telah memperlengkapkan dan memperindah pembinaan masjid kami kerana membuatkan mimbar yang sangat istimewa, menyiapkan sebuah kutubkhanah di dalamnya yang memuat 3,000 naskhah kitab-kitab disamping kelengkapan-kelengkapan yang lain seperti filem-filem pendudikan[1] dan hiburan, rekod-rekod yang berunsur agama dan bacaan al-Qur'ān al-Karim. Seterusnya salam penghormatan kami kepada kerajaan Republik Arab Bersatu dan kaum muslimin di sini seluruhnya.

**Membenteras Perpecahan**

Orang-orang Islam di Brazil terbahagi kepada beberapa golongan aliran (mazhab) yang diantaranya terdapat golongan Shi'ah, 'Alawiyyah, Naṣiriyyah, Daraziyah yang dahulunya saling berpecah belah hinggalah sampai berdirinya masjid dan pertubuhan Islam di sana dapat disatukan semua mereka

[1] Perkataan sebenar ialah, pendidikan.

Masyarakat umat Islam di Brazil kelihatan sedang mengalu-alukan al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur Kamil dalam salah satu perjumpaan.

yang mempunyai aliran yang bermacam-macam itu. Walaupun berlain-lainan aliran dan mazhab mereka tetap mempunyai satu pedoman selagi kitabnya masih al-Qur'ān, nabinya masih Muhammad, kepercayai[2] dan agamanya masih Islam. Yang selainnya walaupun merupakan pertengkaran, dapat diatasi dengan penyelesaian dan persaudaraan.

**Kedudukan Mereka**

Tingkatan hidup mereka dalam lapangan pergaulan dan iktisad di negeri Brazil sungguh amat menggembirakan, kerana lapangan hidup di sana telah dapat diisi dengan tokoh-tokoh orang-orang Islam yang menjadi guru, doktor, jurutera, peguam, ketua majlis bandaran, ketua majlis perniagaan dan lain-lain jawatan yang dapat dibanggakan seperti dalam pertubuhan-pertubuhan sosial dan kebajikan. Disamping itu mereka tidak ketinggalan pula dalam lapangan perniagaan yang menyebabkan banyaknya bilangan mereka yang kaya raya. Mereka dewasa ini sangat mengambil berat untuk mendidik anak-anak mereka beragama kerana khawatir dalam menghadapi suasana pergaulan sekarang boleh merosakkan kepercayaan anak-anak mereka dan menyimpangkan dari agama Islam.

Itulah sebabnya mereka sekarang ini sangat-sangat mengambil berat terhadap masjid, rumah pertubuhan mereka, majalah mingguan mereka yang terbit tiap-tiap pagi Jumaat dan sekolah agama mereka.

**Sekolah Agama**

Soal penting yang sangat diambil berat oleh kaum muslimin di Brazil dewasa ini ialah memberi pelajaran anak-anak mereka serta memupuk jiwa mereka dengan kepercayaan-kepercayaan yang dianut oleh bapa-bapa mereka selama ini, kerana kaum bapa sibuk dengan kerja-kerjanya dan kaum ibunya pula yang biasanya dari kalangan bangsa asing menyebabkan kedua belah pihak kurang persediaan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka, sehingga terasuh dengan berbadan kosong jiwanya tak menyedari bahawa dirinya adalah seorang Islam dan keturunan orang Islam.

Ancaman yang menakutkan kaum muslimin di Brazil yang sedang dirasakan sekarang ini menggerakkan mereka untuk mengambil langkah seperlunya iaitu menganjurkan kepada kerajaan Brazil untuk membangun sebuah sekolah agama dengan kerjasama kerajaan Republik Arab Bersatu agar anak-anak mereka dapat meneruskan pelajaran-pelajaran mereka setelah tamat sekolah menengah baik yang datang dari negeri Arab maupun yang berada di Brazil sendiri dan dengan demikian kita telah dapat mengatasi dan menghapuskan perasaan yang menganggap diri seseorang itu asing bila kembali ke tanahair ibunda, walaupun dia masih meneruskan kehidupannya di negeri Brazil.

Kerajaan Republik Arab Bersatu tak payah mengeluarkan perbelanjaan kerana kaum muslimin di sana bersedia untuk

[2] Perkataan sebenar ialah, kepercayaan.

melaksanakan rancangan ini. Apa yang diperlukan hanyalah orang-orang yang memberikan pimpinannya dikalangan kami sepanjang dalam tahun yang berlalu ini iaitu dari semenjak tahun 1962 – tentang hal ini telah banyak di ketahui oleh Tuan Al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur Kamil.

**Pertubuhan-pertubuhan Islam**

Bercakap tentang pergerakan saudara-saudara kita kaum Muslimin di Brazil itu – Tuan Muhammad Amin Mazloom menyatakan – bahawa di bandar-bandar besar negeri Brazil banyak terdapat pertubuhan-pertubuhan Islam yang bilangannya tidak kurang dari dua puluh buah setengahnya mempunyai bangunan-bangunan yang menjadi kebanggaan kaum Arab di sana kerana besarnya dan luasnya.

Pertubuhan-pertubuhan tersebut menjalankan rancangan-rancangannya dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat syarahan-syarahan, dan perayaan-perayaan kebangsaan yang biasanya dihadiri oleh orang ramai, mengadakan gerakan menolong orang-orang yang terlantar dari kalangan orang-orang Arab di sana, dan gerakan mengumpulkan bantuan matabenda untuk membantu kebajikan orang-orang Arab termasuk orang-orang pelarian dari Palestin dan mangsa-mangsa keganasan orang-orang Perancis di Algeria.

Ketika menceritakan pengalamannya selama enam tahun di Brazil – Al-Ustaz Abdullah Abdul Shukur Kamil telah berkata: Pada tahun 1960 Pertubuhan Muktamar Islam telah membangunkan jabatan yang mengelolakan hal ehwal kaum Muslimin di sana dan menyatukan pertubuhan-pertubuhan mereka serta mengarahkan mereka untuk mencapai rancangan-rancangan mereka yang dapat menjamin kehidupan mereka dengan teguh di tengah-tengah kalangan masyarakat orang-orang Amerika.

Itulah sebabnya mereka telah dapat membeli sebidang tanah yang telah diwakafkan untuk masjid dan sebuah tempat yang dikhaskan untuk perkuburan orang-orang Islam, serta telah dapat pula menerbitkan sebuah majalah keluaran pagi Jumaat dan saya sebagai Ketua Pengarangnya. Majalah tersebut telah dimulakan penerbitannya pada bulan Februari tahun 1958 di dalamnya terdapat ruangan khas berbahasa Portugis yang menerangkan hakikat agama Islam dan pengajaran untuk dibaca oleh orang-orang Islam di sana yang tak memahami Bahasa Arab.

Sebenarnya adalah sangat mustahak bagi seorang mubaligh atau penyeru agama di Brazil memahami Bahasa Portugis yang menjadi bahasa anak negeri supaya dia dapat menyampaikan seruan agama dengan licin untuk menyeru kumpulan keturunan orang-orang Islam yang telah berhijrah ke sana semenjak 80 tahun yang lalu itu.

Dan waktu mengakhiri kata-kata – Tuan Muhammad Min[3] Mazloom menyatakan;

Kaum Muslimin di Brazil sekarang tekun untuk menunaikan kewajipan-kewajipan yang menjadi syiar agama dengan cara yang sangat menggembirakan. Dahulunya tak sampai pun sepuluh orang yang datang ke masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat tetapi sekarang di masjid Brazil yang menunaikan fardu Jumaat tak kurang daripada 500 orang dan kalau menunaikan sembahyang Hari Raya sampai berjumlah 1000 orang. Dan memadailah untuk tuan-tuan mengetahui kalau saya katakan dalam menunaikan sembahyang Hari Raya Aidil Fitri yang lalu mereka telah dapat mengumpulkan derma sebanyak 600 paun.

Saya telah datang ke kahirah[4] ini, saya telah menerima sambutan yang hangat dari saudara-saudara kaum Muslimin di sini dan juga dari para pemimpin selama saya melawat di sini. Saya harap mereka dapat memberikan sokongan sepenuhnya di dalam mengeratkan tali persaudaraan dan mengembangkan pengajaran agama Islam yang maha suci dikalangan 50,000 kaum Muslimin yang menjdai penduduk negeri Brazil.

[3] Perkataan sebenar ialah Amin
[4] Perkataan sebenar ialah kariah